

**“SEKARANG SAYA MAHU TUDUH —  
DIA DALAM DEWAN INI SAJA...”**

# PM: Karpal rancang curi video lucah

UM - 9 MAR 1990

**K**UALA LUMPUR 8 Mac — Perdana Menteri membuat tuduhan di dalam Dewan Rakyat hari ini bahawa wakil DAP Jelutong, Encik Karpal Singh telah merancang pencurian pita-pita video lucah dari rumah bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat Encik D.P. Vijandran untuk kepentingan politik pembangkang.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menuduh Karpal Singh merancang bagaimana hendak memerangkap Vijandran

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, Karpal Singh membuat rancangan itu setelah mendapat maklumat daripada orang tertentu tentang adanya pita video lucah di dalam peti besi di rumah Encik Vijandran.

Sebelum mengemukakan tuduhan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata: Dia (Karpal Singh) telah menggunakan kebebasan Dewan ini. Sekarang ini saya hendak tuduh dia di dalam Dewan ini sahaja, tidak di luar, yang dia rancang pencurian itu...

Perdana Menteri seterusnya berkata: "Dia telah rancang bagaimana hendak memerangkap Vijandran dan dia suruh pencuri untuk pecah peti besi itu supaya dapat tape itu dan mencari jalan supaya tape itu terdapat kepada pihak polis.

"Selepas tape itu dapat kepada pihak polis, tidak ada apa yang berlaku.

"Mungkin ahli yang berhormat dari Jelutong menuduh bahawa saya arah supaya pita itu dimusnahkan, tetapi dia buat tuduhan itu tanpa bukti apa-apa.

"Sekali lagi ahli yang berhormat suka membuat tuduhan yang tidak ada bukti, tetapi sekarang dia kata bukti itu telah dimusnahkan.

"Kalau kita ingat betul-betul di dalam hanzard dia berdiri dalam Dewan ini berkata saya (Karpal Singh) ada bukti. Kalau dia

ada bukti makna kata ada bukti kepada dia," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri telah membuat kenyataan ini semasa menjawab serentak lima soalan yang berkaitan dengan kecurian dan pemusnahan 11 pita video dan 2,000 keping gambar milik bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat Encik Vijandran.

Soalan-soalan itu dikemukakan oleh Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung), Encik Fung Ket Wing (DAP-Sandakan), Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong) dan Dr. Chen Man Hin (DAP-Seremban).

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri mengambil masa selama 45 minit untuk menjawab soalan-soalan berkenaan serta beberapa soalan tambahan lain yang dibangkitkan terutama oleh Encik Lim dan Karpal.

**LIHAT MUKA 2**

## PM: Karpal rancang curi video lucah

Perdana Menteri yang menyifatkan kecurian video lucah itu sebagai rancangan politik, berkata, disebabkan orang yang menyimpan pita dan gambar itu mempunyai status dalam masyarakat, usaha dibuat untuk memburukkan orang berkenaan.

Beliau percaya perkara itu tidak akan berlaku jika Encik Vijandran tidak mempunyai kedudukan dalam masyarakat.

"Saya syak kecurian ini dirancang untuk sampai ke sini (Dewan Rakyat), mereka mempunyai kepentingan politik, saya yakin ramai orang ada gambar lucah. Tetapi kerana iri hati, maka dirancang rompak untuk memecah peti besi," katanya.

Katanya, beliau mengesyaki pembangkang mendapat maklumat mengenai perkara itu dan mereka merancang untuk membongkarnya supaya orang berkenaan dibawa kepada polis seterusnya dijadikan modal politik sehingga dibawa ke Dewan Rakyat.

Sambil menyifatkannya pembangkang kemiskinan modal, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak akan berlaku sekiranya pita-pita video yang dikatakan lucah disimpan oleh orang-orang biasa.

"Saya menuduh di dalam Dewan ini dia (Encik Karpal Singh) rancang untuk menyuruh pencuri memecah peti besi ini setelah mendapat maklumat mengenai tape ini supaya dibawa kepada polis," katanya.

"Orang yang membuat tuduhan pula bukanlah moral baik sangat," katanya.

Beliau juga mempertahankan keputusan yang telah dibuat oleh Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman berhubung isu pemusnahan pita-pita video dan gambar itu.

Ditanya oleh Encik Karpal bagaimana Perdana Menteri boleh mengesyakinya merancang perkara itu sedangkan pada 3 Ogos 1988 (ketika kecurian berlaku) beliau (Karpal) sedang dikenakan tahanan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata,:

"Saya tidak hairan, ada 'kaki' dia."

Menurut Perdana

Menteri lagi, isu ini dirancang bagi mewujudkan peristiwa yang boleh menjadi bahan politik untuk mereka yang miskin modal politik.

Beliau percaya ramai lagi yang mempunyai simpanan pita video, termasuk yang disimpan oleh pihak lawan tetapi tidak ada sebarang rancangan dibuat untuk mencurinya kerana tidak ada kepentingan politik.

Mengenai kandungan pita itu sama ada lucah atau tidak, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai kandungan itu. Oleh itu terserah kepada mahkamah untuk membuat keputusan.

"Bagaimanapun orang ramai memberi perhatian terhadap perkara itu setelah Encik Karpal memberitahu Dewan Rakyat tahun lalu bahawa beliau (Karpal) ada bukti dan sudah tentu dia (Karpal) ada melihatnya," tambahnya.

Encik Karpal kemudian mencelah bahawa bukti-bukti itu telah dimusnahkan oleh Peguam Negara.

Perdana Menteri berkata, Encik Karpal mendakwa menerima salinan gambar dari orang yang tidak dikenali melalui pos dan menyifatkan tindakan itu sebenarnya adalah untuk melindungi diri serta orang yang didakwa mengirim gambar itu.

Langkah itu menurut beliau adalah sebagai tindakan menggunakan undang-undang untuk kepentingan politik.

Mengenai tindakan Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman mengarahkan memusnahkan pita-pita video dan gambar-gambar yang dikatakan lucah itu, Perdana Menteri berkata, tidak ada sebarang misteri dalam pemusnahan itu.

Menyentuh tentang tafsiran lucah, Perdana Menteri berkata, orang boleh membuat berbagai tanggapan mengenai apa yang dikatakan lucah itu.

Perdana Menteri bertaunya: "Lucakah seorang yang berbogel berdiri di hadapan cermin dan kemudiannya mengambil gambar, termasuk menggunakan video untuk simpanan?"

"Mungkin tafsiran Peguam Negara ketika itu (semasa mengarahkan pemusnahan pita) pita itu tidak lucah tetapi ahli politik mungkin kata lucah, soal ini tunggulah di mahkamah," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan panjang lebar mengenai tindakan-tindakan yang diambil berikutan isu ini terma-

suk meminta penjelasan dari Peguam Negara dan pihak-pihak lain bagi menjawab soalan yang dibangkitkan.

Katanya, soal sama ada Peguam Negara salah nilai terhadap isi kandungan bahan-bahan yang dimusnahkan itu dan dengan kerana itu tidak mendakwa pihak

yang dikatakan memiliki barang-barang itu adalah soal tafsiran atau penilaian peribadinya yang menjadi hak dan bidang kuasanya.

Perdana Menteri juga memberitahu perletakan jawatan Encik Vijandran adalah tanpa campurtangan kerajaan dan parti kerana kedua-dua pihak menghormati mahkamah.